

Zakri dikurniakan Ijazah Kehormat Doktor Sains konvokesyen UPM

Kuala Lumpur: Penasihat Sains Perdana Menteri, Tan Sri Prof Emeritus Zakri Abdul Hamid (**gambar**), dikurniakan Ijazah Kehormat Doktor Sains sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39 yang dijadualkan pada 31 Oktober ini.



Pengerusi United Malacca Berhad (UMB), Tan Siok Choo, yang juga cucu kepada pengasas MCA, mendiang Tun Tan Cheng Lok, pula dikurniakan

Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Perladangan manakala pemilik dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Weststar Aviation Services Sdn Bhd, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim, menerima Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan.

Konvokesyen UPM akan berlangsung empat hari dengan lapan sesi memabitkan pengurniaan ijazah kepada 7,055 graduan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Canselor UPM sampaikan anugerah

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah, akan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Sarjana, Bacelor dan Diploma kepada graduan pada hari pertama majlis berkenaan.

“Seramai 7,055 graduan dalam pelbagai bidang pengajian akan menerima ijazah dan diploma masing-masing. Seramai 469 penerima PhD, Sarjana (1,860), Bacelor (4,298) dan Diploma (428).

“Seorang penerima PhD, Dr Wendy Yeo Wai Yeng, akan menerima dua Ijazah Dual PhD hasil kerjasama UPM dan Universiti Montpellier 2 dari Perancis.

“Kami juga mengurniakan Anugerah Profesor Emeritus kepada profesor kimia UPM, Prof Dr Karen Anne Crouse @ Ani Abdullah pada sesi kedua konvokesyen 31 Oktober,” katanya.

Prof Mohd Fauzi berkata, Tuanku Canselor turut mengurniakan hadiah kepada pemenang peringkat universiti termasuk Hadiah Pingat Emas Canselor, Pingat Emas Pelajaran Diraja (Bumiputera), Pingat Emas Alumni dan Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr Rashdan Baba kepada Ermelia Rohayu Ramlan, graduan Sains Pertanian.

Hadiah Pingat Emas Pelajaran Diraja (bukan Bumiputera) dan Pingat Emas Yayasan Pak Rashid diberi kepada Ng Geok Lim graduan program Doktor Perubatan Veterinar.

Sementara itu, Daniel Mohan Jacob menerima Pingat Putra Agribio, Hadiah Pingat Emas Doktor Falsafah kepada Tumirah Khadirin; Hadiah Pingat Emas Master dengan Tesis kepada Nur Atiqah Mohamad Aziz; Hadiah Buku Tahunan MTDC kepada Phuah Kit Teng dan Hadiah Syed Kechik diberi kepada Yap Eee Lyn.